

12 JAN 2003

Mahathir-SAR/I

KERAJAAN TAK HARAMKAN SAR, DR MAHATHIR

KAMPAR, 12 Jan (Bernama) -- Kerajaan tidak akan mengharamkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sekalipun ajarannya berunsur anti-kerajaan tetapi tidak akan memberi sebarang geran atau bantuan kepadanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak dapat membantu SAR kerana ia bukan mengajar agama sebaliknya telah menjadi institusi politik.

"Tetapi jika mereka mahu terus merosakkan masa depan anak-anak, kita tidak dapat menghalang mereka. Kita tidak akan meminta mereka merosakkan masa depan anak-anak yang akan membesar dengan sifat membenci segala-galanya," katanya pada sidang media selepas merasmikan upacara pecah tanah bagi pembinaan kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman's (UTAR) milik MCA di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas masa depan UTAR ekoran keputusan kerajaan memberikan tempoh sehingga 6 Feb ini kepada 74,000 pelajarnya untuk bertukar ke sekolah kebangsaan.

"Jika mereka (pelajar) mahu terus bersama SAR, mereka boleh berbuat demikian tetapi kita tidak akan membantu mereka...kerana yang diajar di situ bukannya agama," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerajaan bimbang bahawa setiap kanak-kanak yang belajar di SAR bersikap anti-kerajaan, dan ini bukannya kerana kehendak pelajar itu sendiri tetapi disebabkan ajaran di situ.

Perdana Menteri berkata sekolah itu tidak mengajar agama kerana, walaupun Islam menggalakkan persaudaraan sesama Islam, pihak di situ menolaknya malah mengajar murid-murid untuk tidak bersyukur.

Katanya hampir semua sekolah ini, kecuali yang dimiliki oleh kerajaan, menanam sifat anti-kerajaan dan itulah sebabnya, walaupun diberi wang dan sokongan lain, mereka membenci kerajaan.

"Tambahan pula, terdapat guru tidak berkelayakan. Mereka hanya mahu mendapatkan wang daripada pendidikan," katanya.

Dr Mahathir berkata sekolah seperti itu tidak perlu wujud pada masa masa ini kerana kerajaan menyediakan peruntukan untuk membina sekolah dan menyediakan pendidikan agama.

"Tidak seperti zaman penjajah British dulu yang tidak memberi perhatian kepada pendidikan agama...itulah sebabnya wujud (sistem) pondok dan tok guru," katanya.

Dr Mahathir berkata pendidikan agama di sekolah milik kerajaan sudah memadai, dan pihak berkuasa sedang dalam memproses menjadikan sistem pengajarannya lebih baik.

Ditanya mengenai cadangan supaya kerajaan mengambil alih pentadbiran SAR, beliau berkata itu tidak mungkin kerana wang yang banyak diperlukan bagi menyediakan sekolah yang sesuai.

"Kita sudah ada sekolah yang sesuai, kenapa mereka tidak ke situ. Pendidikan agama ada di situ dan kita ada sukatan mata pelajaran oleh kementerian," katanya.

Mengenai hasrat sesetengah pihak untuk merujuk perkara itu kepada Majlis Raja-Raja, Dr Mahathir mereka boleh berbuat demikian tetapi kerajaan akan memberi penjelasan kepada Sultan.

Mengenai permintaan sesetengah pihak agar undang-undang syariah diseragamkan, Dr Mahathir berkata ia boleh dilakukan dan sememangnya baik.

"Kita sedia bincang. Tapi ada negeri-negeri yang hendak pakai ikut masing-masing dan bezakan dengan negeri lain," katanya.

-- BERNAMA
AR MAI